

TAJUK: KATA PEMERI

Baca dan fahami nota di bawah.

Kata pemei ialah kata yang digunakan untuk menghubungkan subjek dengan frasa utama dalam ayat.

ialah	adalah
— Digunakan di hadapan frasa nama Contoh: 1. Ibu saya ialah seorang guru. 2. Encik Karim ialah penghulu kampung kami.	— digunakan di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama Contoh: 1. Jalan menuju ke kampung itu adalah sempit. 2. Surat ini adalah untuk kakak kamu.

Kemudian, tuliskan tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

ialah	adalah
-------	--------

1. Razi _____ seorang penyanyi yang berbakat.
2. Tarikh lawatan itu _____ pada 25 Mei 2021.
3. Kraf tangan itu _____ hasil kerja kakak saya.
4. Pertandingan itu _____ antara murid-murid Tahap Dua sahaja.
5. Pameran itu _____ pameran yang julung-julung kali diadakan di negara kita.
6. Tujuan saya datang ke sini _____ untuk menyerahkan surat itu kepada kamu.
7. Hadiah ini _____ untuk ibu.
8. Jam randik ini _____ sangat mudah digunakan.